NURHAZILLA ROSMAWAR

GET THE LOOK

CARA MEMBUAT MINYAK URUT TRADISI

RESEPI MINYAK URUT WARISAN NENEK MOYANG KITA UNTUK SAKIT-SAKIT BADAN DAN LENGUH

Seperti yang kita tahu minyak urut dapat membantu meredakan sakit-sakit badan, lenguh, kebas, sejuk badan dan pelbagai lagi manfaat. Bidan-bidan lama membuat minyak urut dengan menanak minyak dan mengambil masa yang agak lama. Dan berbau kuat. Ibu zaman moden kini tidak menyukai bau minyak urut seperti minyak yang digunakan pada zaman dahulu kala.

Tapi.....minyak yang zila nak ajarkan ii sangat mudah dan tidak berbau seperti minyak tanak tetapi berbau serai wangi dan halia. Harummmm sangat!!!

Banyak khasiat yang diperoleh dari minyak ni. Boleh digunakan setiap hari membantu daripada badan masuk angin dan kembung. Apabila bangun pagi badan akan lebih ringan dan selesa. Sesuai digunakan untuk peringkat umur bayi hingga warga emas.

Okeylah jom kita mulakan.....

BAHAN-BAHAN RESEPI RAHSIA MINYAK URUT TURUN TEMURUN

3-5 batang serai biasa dihiris

2 batang serai wangi

Halia sebesar setengah tapak tangan dan dihiris

1-2 batang kayu manis

600ml minyak sunflower

CARA MEMBUAT MINYAK URUT WARISAN

1. Tumbuk serai dan halia yang dihiris tadi
2. Tumbuk kulit kayu manis
3. Panaskan air dalam periuk
4. Masukkan minyak sunflower dalam bekas kaca yang tahan panas. Letakkan di atas air yang mendidih tadi. Buat seperti double boiler. Jaga sampai air kering atau tercampur dengan minyak.
5. Masukkan semua bahan kedalam minyak sunflower itu dan kacau lawan arah jam sambil selawat dan bacalah doa sakit saraf dan doa kesembuhan.
6. Masakkan minyak sehingga 1 jam. Cukup masa tutup api biarkan sejuk sedikit
7. Tapis minyak dan simpan dalam bekas. Buang hampas serai tadi.

Okay dah siap!Selamat mencuba kawan-kawan.....